

VISI DAN HALA TUJU UKM

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ditubuhkan pada 18 Mei 1970 merupakan universiti tunggal yang kuat sifat rakyatnya berikutan sejarah penubuhan entiti itu sendiri terhasil daripada sokongan yang merentasi kumpulan etnik, golongan pemimpin sehingga marhaen.

Mandat yang diberikan kepada UKM sebagai "Pendaulat Amanah Negara, Mengilham Harapan Mencipta Masa Depan" tidak boleh dipisahkan daripada satu generasi kepada generasi lain dalam erti kata, apa yang dilakukan di kementerian dan negara amnya turut mempunyai sentuhan daripada UKM.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, kemajuan yang dicapai oleh negara hari ini sudah pasti berpaksikan kepada alam keilmuan dan kesarjanaannya yang tersendiri me-

rangkumi aspek kemanusiaan dan teknologi yang diguna pakai dalam pembangunan mapan.

"Setelah berusia 45 tahun, UKM mahu menjadi sebuah universiti penyelidikan (RU) yang bergerak mengikut 3R (*relevant, reference dan respected*) iaitu relevan, menjadi rujukan dan dihormati. Semua aktiviti termasuk perkhidmatan yang diberikan adalah relevan kepada pemegang taruh (*stakeholders*). Sebagai contoh, baru-baru ini syarikat AIRBUS dari Perancis diminta bekerjasama dengan UKM menerusi Institut Kajian Etnik (KITA) yang mempunyai input mengenai tabiat semula jadi kumpulan-kumpulan etnik.

"Kajian itu adalah bagi menentukan pekerja yang akan mengendalikan kaedah teknologi yang terdapat dalam pesawat Airbus. Kajian itu termasuk bagaimana

menyepadankan pekerja mengikut latar belakang etnik untuk melakukan tugas-tugas yang memerlukan perkhidmatan yang efisien, tepat dan teliti," kata beliau yang ditemui di pejabatnya di UKM baru-baru ini.

Beliau turut mahu menjadikan UKM sebagai universiti yang dirujuk untuk mendapatkan penda-pat penting daripada tenaga pakar selain terlibat dalam peningkatan ilmu dalam bidang sains dan teknologi. Selain itu UKM akan terus dihormati kerana kewibawaannya yang tinggi dalam pelbagai bidang.

Selaras dengan Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN, Noor Azlan berkata, UKM telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sekretariat yang dinamakan AUN-AEC atau *Asian University Network-ASEAN Economic Community* untuk membantu dan menyumbang kepada

kejayaan gagasan tersebut.

Beliau berkata, UKM berjaya melahirkan 170,000 graduan sejak ditubuhkan 45 tahun lalu. Ditambah dengan graduan-graduan daripada beberapa universiti berprestij yang menganggotai AUN, sudah pasti Komuniti Ekonomi ASEAN akan menjadi lebih agresif dan berdaya maju.

Bagi meneruskan amanah yang diberikan, Noor Azlan berkata, UKM akan menjadi *University Led Growth* atau Pertumbuhan Diterajui Universiti. Dalam perancangan ini, UKM telah menemui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik pelabur asing dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi membangunkan *Health Technopolis* di Cheras dan *Advanced Technology Technopolis* di Lembah Beriah, Krian, Perak.

Beliau turut memberitahu, UKM

akan menjalin kerjasama strategik dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menjayakan projek pembangunan yang lebih fokus. Sehubungan itu, pihaknya telah berbin-bing dengan pemimpin-pemimpin negeri di Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Bagi merealisasikan rancangan tersebut, beliau berkata, pihaknya akan mengadakan majlis menandatangani persetujuan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri pada satu tarikh sempena menyambut bulan kemerdekaan tahun ini.

"Hari ini Malaysia menjadi sebuah negara yang disegani di ASEAN kerana kemajuan yang dicapai didorong oleh ilmu, transformasi ekonomi bergerak berasaskan keilmuan dan pengetahuan intensif di samping daya inovasi dan kreativiti tinggi yang dimiliki rakyatnya," jelasnya.



PROF. DATUK DR. NOOR
AZLAN GHAZALI